

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS [JERANTUT]**

TARIKH : 14.11.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 2

SOALAN NO. 2

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keberkesanan Program Desa Harapan bagi membebaskan masyarakat luar bandar daripada kepompong kemiskinan dan sejauh manakah program ini mampu merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Desa Harapan (PDH) merupakan inisiatif baru Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang melibatkan penyertaan sektor swasta dan korporat dalam proses pembangunan desa khususnya berkaitan dengan sosio - ekonomi penduduk luar bandar berdasarkan konsep *Corporat Social Responsibility* (CSR).

Program ini akan memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan sumber aktiviti ekonomi melalui perkongsian strategik dengan syarikat swasta dan korporat.

Sehingga kini, Program Desa Harapan telah dan sedang berjalan secara rintis di tiga buah lokasi iaitu Kampung Kinjang, Chenderiang, Perak, Kampung Kuala Temonyong, Langkawi, Kedah dan Kampung Weng, Baling, Kedah.

Bagi Kampung Kinjang, sebanyak enam buah syarikat telah dan sedang melaksanakan program dan aktiviti seperti pembinaan bangunan tabika oleh Hume Cemboard Industries, program jom kitar semula oleh Berjaya Corporation Berhad dan Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad.

Bagi Kampung Kuala Temonyong, Langkawi, sebanyak 16 syarikat telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti sumbangan computer dan peralatan audio visual untuk sekolah Kebangsaan Temonyong dan Pusat Sumber KEMAS, Temonyong oleh EXIM Bank, Program Latihan Jahitan oleh Sri Kandi Skill College (Siti Khadijah Holding Sdn. Bhd.) melalui sumbangan 18 buah mesin jahit dari Berjaya Corporation Berhad, Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad, Program Peningkatan Pendapatan oleh Tenaga Nasional Berhad dan DRB Hicom berhad serta program-program lain dari syarikat lain yang turut terlibat dalam program ini.

Manakala bagi Kampung Weng, Baling pula, program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan oleh rakan strategik PDH seperti Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad, Bengkel

NO. SOALAN : 2

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembuatan Baja Kompos oleh tenaga pakar dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Program Latihan Jahitan oleh Sri Kandi Skill College (Siti Khadijah Holding Sdn. Bhd.) melalui sumbangan 18 buah mesin jahit dari Berjaya Corporation Berhad.

Projek/Program yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat ini secara dasarnya adalah untuk membantu penduduk kampung mengembangkan perusahaan sedia ada di kampung yang sebelum ini diusahakan secara individu kepada skala yang lebih besar iaitu secara berkelompok. Melalui kaedah ini, ia akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk kampung dan akhirnya akan dapat meningkatkan pendapatan sedia ada.

Memandangkan pelaksanaan program Desa Harapan ini masih lagi dalam peringkat awal, keberkesanan program ini masih belum lagi dapat dipastikan kerana Rakan Strategik masih lagi rancang melaksanakan program dan aktiviti di kampung-kampung berkenaan. Tempoh pelaksanaan program ini di setiap lokasi adalah selama dua tahun. Kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya tiga buah lagi kawasan akan dipilih untuk menyertai program ini bagi tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.